

# Persidangan Kualiti Hidup Borneo kali ke-3 diadakan bulan depan

**UB 16.04.2023 P.08**

Oleh Hamzah Sanudin

**KOTA KINABALU:** Persidangan Kualiti Hidup Borneo kali Ke-3 bakal diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 23 sehingga 26 Mei depan.

Persidangan bertemakan ‘Kehidupan Berkualiti Untuk Semua’ itu turut dijalankan secara dalam talian bagi memudahkan peserta seluruh dunia menyertainya.

Menurut kenyataan UMS, Persidangan itu akan menghimpunkan cendekiawan, pengamal, dan individu untuk membincangkan cara meningkatkan kualiti hidup di rantau ini.

Katanya, Persidangan itu

merangkumi pelbagai topik berkaitan kualiti hidup, termasuk isu kelaparan, keselamatan makanan, pertanian mampan, penyakit tidak berjangkit, kemiskinan, pendidikan, pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.

“Persidangan ini akan mengubah pemikiran bagi sesiapa yang berminat untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan di rantau ini.

“Barisan penceramah termasuklah Profesor Datuk Taufiq Yap Yun Hin, Professor Dilip V. Jeste, dan Dr Ravivarma Rao Panirselvam,” katanya.

Katanya, ia juga merupakan



**LOKASI:** Persidangan tersebut bakal diadakan di UMS pada Mel depan.

peluang untuk berkumpul berkongsi pengetahuan dan pengalaman, bekerjasama serta membentuk komuniti dalam membuat perubahan positif di dunia.

“Pendaftaran persidangan ini dibuka sekarang dan sebarang maklumat boleh rujuk di laman web persidangan <https://bqolc.ums.edu.my/>,” katanya.